

# MARii perkenal Dwi Ijazah Sarjana

**Kuala Lumpur:** Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bakal memperkenalkan Dwi Ijazah Sarjana bagi Program Kejuruteraan Automotif bermula tahun hadapan melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Untuk permulaan, program yang akan ditawarkan di Akademi Teknologi MARii, Rawang itu membabitkan penyertaan 15 pelajar terdiri daripada individu yang sudah bekerja dan memiliki pengalaman dalam bidang automotif.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Madani Sahari berkata, pengenalan program itu adalah sebahagian daripada kerjasama dijalankan dengan UMP di samping beberapa bidang lain seperti kajian, akademik dan program pertukaran pelajar.

Menurutnya, program itu akan memberi fokus kepada autotronik iaitu bidang yang membabitkan penggunaan komponen elektronik bagi menghasilkan teknologi kereta terkini dan berhubung.

"Teknologi seumpama ini amat penting bagi bidang automotif masa depan dan mewujudkan trend baharu yang akan



*Teknologi seumpama ini amat penting bagi bidang automotif masa depan dan mewujudkan trend baharu yang akan mengubah cara kita melaksanakan pembuatan automotif"*

**Madani Sahari**

yang akan mengubah cara kita melaksanakan pembuatan automotif," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara MARii dan UMP di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMP iaitu Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad.

Antara topik yang bakal dipelajari melalui program itu adalah proses kecerdasan buatan (AI) dalam automasi, sistem bateri bagi pemanduan moden, protokol diagnosis dan pelbagai bidang lain berkaitan kejuruteraan automotif.